



# KENYATAAN TENDER

## PERKHIDMATAN BAS HENTI-HENTI DI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

**NO. TENDER: PPj/T/ JB/30/2022)**

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan perkhidmatan tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 221503 (Perkhidmatan Penyewaan dan Pengurusan: Kenderaan/ Jentera/ Kenderaan Rekreasi)	Taklimat dijalankan (dalam bentuk Slaid) mulai: 30 Jun 2022 (Khamis) di pautan berikut: <a href="https://www.ppj.gov.my/main-menu/tender-sebut-harga">https://www.ppj.gov.my/main-menu/tender-sebut-harga</a> Lawatan Tapak Tidak Diwajibkan	30 Jun 2022 (Khamis) sehingga 13 Julai 2022 (Rabu) Kauunter Jualan Tender/ Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya	Ringgit Malaysia <b>RM350.00</b> (Tidak dikembalikan) <b>Tunai/Deraf Bank</b> Perbadanan Putrajaya	<b>21 Julai 2022 (Khamis) 12.00 Tengah hari</b> Kauunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

3. Kontraktor/Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
  - Mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja yang sama/serupa bernilai sekurang-kurangnya RM5,000,000.00 bagi satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu.
4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
5. Kehadiran Kontraktor/Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor/Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan tender berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya.
6. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja di mana wakil-wakil Kontraktor/Syarikat adalah **DIWAJIBKAN** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil-wakil Kontraktor juga hendaklah membawa dokumen-dokumen **asal dan satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia**.
7. Tender ini akan ditutup pada **21 Julai 2022** bersamaan hari **Khamis, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
8. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan. Kontraktor/Syarikat yang berurusan di Kauunter Jualan Tender/Sebut Harga dikehendaki mematuhi S.O.P. yang telah ditetapkan.

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB PERBADANAN PUTRAJAYA DI ALAMAT: <http://www.ppj.gov.my> & <https://myprocurement.treasury.gov.my>